

11/07/1997

Pusat latihan polis manfaatkan Sarawak

KUCHING, Khamis - Rakyat Sarawak amat bertuah kerana Kerajaan Pusat bersetuju memilih negeri ini sebagai tapak pusat latihan polis bersepadu yang pertama di negara ini, kata Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Pusat latihan pertama seumpamanya dan terbesar di Malaysia itu kini berdiri megah di Jalan Puncak Borneo, kira-kira 24 kilometer dari sini.

Taib berkata, pusat latihan serba lengkap, canggih dan moden itu bukan saja dapat melatih anak-anak tempatan yang ingin menyertai kerjaya sebagai anggota polis, malah kepada rakyat dari seluruh negara.

"Penubuhan institusi seperti ini dapat melahirkan anggota polis terlatih, berpengetahuan luas dalam semua bidang, cekap, dedikasi serta berwawasan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan di buku cenderamata sempena perasmian Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuching Sarawak di kilometer 24, Jalan Puncak Borneo, yang akan dilakukan Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor, Sabtu ini.

Pusat Latihan berharga RM55 juta itu dibina pada 1 Ogos 1995 di kawasan seluas 920 hektar dan siap pada 5 Jun lalu.

Ia adalah pusat latihan terbesar di negara ini, setakat ini. Bagaimanapun hanya 80 hektar daripada kawasan berkenaan sudah siap dibangunkan.

Taib juga merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana meluluskan projek itu dan pucuk pimpinan PDRM, Tan Sri Rahim Noor, yang bersetuju mengalih pandangan dan menetapkan sekolah latihan bersepadu dibina di Sarawak.

Dalam buku perutusan sama, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohamad Tajol Rosli, berkata sistem latihan dan pendidikan yang dirancang di semua Pusat Latihan PDRM adalah selari perubahan sosiobudaya masyarakat.

Menurutnya, ia juga akan menjadi teras kekuatan moral anggota polis untuk menghadapi ancaman dalam era Wawasan 2020.

"Pembangunan pusat latihan polis ini (di Sarawak) selaras visi dan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa perkhidmatan berkualiti hanya boleh dilakukan jika anggota perkhidmatan awam mempunyai dan mengamalkan budaya kerja cemerlang," katanya.

(END)